

ASET PERKEMBANGAN DAN KEPUASAN HIDUP REMAJA MELAYU

SITI MARNIZAH BINTI ABDUL RAHIM DAN SITI NOR YAACOB

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menentukan perkaitan antara aset perkembangan dan kepuasan hidup dalam kalangan remaja Melayu di Semenanjung Malaysia. Kajian ini telah dijalankan di empat buah negeri di semenanjung Malaysia iaitu Selangor, Johor, Kelantan dan Kedah. Kaedah persampelan Probability Proportionate to Size (PPS) telah digunakan untuk memilih 739 orang pelajar lelaki dan perempuan Melayu berusia di antara 13 hingga 17 tahun. Kepuasan hidup remaja diukur menggunakan Student Life Satisfaction Scale (Huebner, 1991) dan aset perkembangan remaja diukur menggunakan Developmental Assets Profile (Search Institute, 2005). Kajian mendapati 56.7% remaja yang dikaji mempunyai tahap kepuasan hidup yang rendah. Hasil analisis korelasi menunjukkan terdapat perkaitan positif yang signifikan antara lapan kategori aset perkembangan dan kepuasan hidup remaja Melayu. Ujian regresi mendapati secara keseluruhannya pembolehubah yang dimasukkan ke dalam model regresi menjelaskan sebanyak 9.3% daripada varians kepuasan hidup remaja Melayu. Aset identiti positif ($\beta=185$, $p=0.001$) merupakan peramal signifikan yang lebih kuat terhadap kepuasan hidup remaja Melayu. Kesimpulannya, remaja Melayu harus dilengkapi dengan aset perkembangan bagi meningkatkan tahap kepuasan hidup mereka.

Kata Kunci: Aset Perkembangan, Kategori Aset Perkembangan, Kepuasan Hidup, Remaja Melayu

ABSTRACT

This study aims to determine the relationship between developmental asset and life satisfaction among Malay adolescents in Peninsular Malaysia. This study was conducted in four states in Peninsular Malaysia Selangor, Johor, Kelantan and Kedah. Probability Proportionate to Size (PPS) sampling method was used to select 739 Malay male and female students aged between 13 and 17 years old. Adolescents' life satisfaction was measured using Student Life Satisfaction Scale (Huebner, 1991) and adolescents' developmental assets was measured using Developmental Assets Profile (Search Institute, 2005). This study found that 56.7% of adolescents in the study exhibit low level of life satisfaction. Findings on correlation analysis showed significant positive relationship between eight categories of developmental assets and life satisfaction of Malay adolescents. Regression analysis suggested that all variables entered into the regression model explained 9.3% of the variance in Malay adolescents' life satisfaction. Positive identity asset ($\beta=185$, $p=0.001$) appeared as a stronger significant predictor of Malay adolescents' life satisfaction. In conclusion, it is suggested that Malay adolescents should be equipped with developmental asset in order to enhance their levels of life satisfaction.

Keywords: *Developmental Asset, Developmental Asset Category, Life Satisfaction, Malay Adolescents*

PENGENALAN

Zaman remaja dianggap sebagai peringkat paling kritikal dalam proses perkembangan manusia (Sigelman & Rider, 2010). Peringkat perkembangan ini mempunyai konflik tersendiri dan mempengaruhi kefungsiian internal dan eksternal remaja.

Kefungsiian eksternal dan internal mempunyai perkaitan signifikan dengan kepuasan hidup dalam kalangan remaja (Antaramian, Huebner, & Vallois, 2008; Carvalho & Schumaker, 2012). Remaja yang mengalami masalah kefungsiian internal dan eksternal seperti terlibat dengan masalah salah laku dan mengalami ketidakstabilan emosi mempunyai kepuasan hidup yang rendah.

Kepuasan hidup ditafsir sebagai satu kekuatan psikologi yang penting dalam menggalakkan perkembangan positif dalam kalangan remaja (Huebner, 1991). Kepuasan hidup juga menyumbang kepada pelbagai aspek perkembangan positif remaja termasuk tingkah laku dan personaliti (Suldo & Huebner, 2006). Remaja yang mempunyai tahap kepuasan hidup yang tinggi didapati mempunyai tahap keyakinan yang tinggi, lebih optimistik, memperolehi pencapaian akademik yang cemerlang, dan mempunyai daya tahan yang tinggi (Haranin, Huebner, & Suldo, 2007; Martin, Huebner, & Valois, 2008).

Kajian terdahulu mendapati kepuasan hidup dalam kalangan remaja di pengaruhi oleh faktor eksternal dan internal (Huebner, Drane, & Valois, 2000). Antaranya seperti faktor keluarga, rakan sebaya, Sosial Ekonomi Status ibu bapa (SES) dan personaliti. Antaramian dan rakan-rakan (2008) dalam kajian mereka melibatkan kepuasan hidup dan aset perkembangan dalam kalangan remaja mendapati kualiti aset perkembangan yang merangkumi faktor eksternal dan internal merupakan pendekatan positif yang proaktif dalam menyumbang dan memperkasakan kesejahteraan hidup remaja.

Aset perkembangan ditakrifkan sebagai satu set nilai yang berkaitan dengan pengalaman, perhubungan, kemahiran dan nilai-nilai positif yang mampu meningkatkan kualiti hidup golongan muda atau remaja (Scales & Roehlkepartain, 2003). Search institute (2005) melaporkan remaja yang mempunyai skor yang rendah dalam aset perkembangan cenderung untuk terlibat dengan masalah salah laku yang mempengaruhi penilaian tahap kepuasan hidup mereka.

Aset perkembangan boleh dikategorikan kepada aset eksternal dan aset internal. Aset eksternal merujuk kepada aset yang berkaitan dengan faktor persekitaran luar remaja seperti ibu bapa, jiran, sekolah dan persekitaran sosial (Search institute, 2005). Manakala aset internal merujuk kepada aset yang terdapat

dalam diri remaja seperti identiti diri, personaliti dan sikap positif. Dalam kajian ini aset eksternal terbahagi kepada empat kategori iaitu sokongan, pemerkasaan, penggunaan masa, halangan dan jangkaan. Aset internal juga terdiri daripada empat kategori iaitu komitmen pembelajaran, nilai positif, kompetensi sosial dan identiti positif. Secara keseluruhannya aset eksternal dan internal adalah komponen signifikan bagi penilaian kepuasan hidup yang lebih baik dalam kalangan remaja lelaki dan perempuan (MacKay, 2007).

Aset sokongan merujuk kepada sokongan yang diterima daripada ahli keluarga, mempunyai sistem komunikasi keluarga yang positif, kawasan kejiranan yang prihatin, dan kawasan sekolah yang selamat (Search Institute, 2005). Oberle dan rakan-rakan (2011) mendapati pendedahan kepada sokongan sosial yang positif daripada ibu bapa, guru, dan rakan sebaya memberi kesan positif terhadap perkembangan remaja dan membantu meningkatkan kualiti kesejahteraan atau kepuasan hidup remaja.

Memperkasakan atau empowerment merujuk kepada peranan dan tanggungjawab dalam keluarga dan komuniti yang diberikan kepada kanak-kanak. Kewujudan komuniti yang melibatkan golongan remaja dalam aktiviti kemasyarakatan dan memperkasakan persekitaran yang selamat kepada remaja (Search Institute, 2005). Persekitaran komuniti yang tidak selamat mempunyai perkaitan signifikan dengan masalah salah laku remaja (Theokas & Lerner, 2006). Remaja yang terlibat dengan aktiviti persatuan keluarga dan komuniti kurang terlibat dengan gejala salah laku dan mempunyai penilaian kepuasan hidup yang lebih tinggi berbanding dengan remaja yang tidak terlibat dengan aktiviti persatuan komuniti mahupun keluarga (Theokas & Lerner, 2006; Huebner & Diener, 2008).

Aset halangan merujuk kepada pendedahan peraturan bersistem yang jelas kepada remaja seperti peraturan dalam keluarga, peraturan semasa di sekolah, peraturan kawasan kejiranan yang mendedahkan remaja kepada sikap-sikap positif dan bertanggungjawab (Search Institute, 2005). Manakala jangkaan merujuk kepada ibu bapa dan guru yang mendorong remaja untuk berjaya. Remaja yang berjaya mempunyai daya tahan diri yang kuat dan patuh kepada sistem peraturan yang telah ditetapkan (Silverman, 2004; Scales & Benson, 2007; Ferguson et al., 2010). Kajian terdahulu mendapati remaja yang mematuhi peraturan di rumah dan sekolah mempunyai kepuasan hidup yang lebih tinggi kerana tidak terlibat dengan gejala salah laku (Shoshani & Slone, 2012).

Aset penggunaan masa merujuk kepada penjadualan masa yang bersistematik dan membolehkan remaja terlibat dengan aktiviti di luar sekolah seperti bersukan, teater, kesenian, aktiviti komuniti, aktiviti keagamaan, dan mempunyai masa lapang untuk berehat di rumah (Search Institute, 2005). Aktiviti persatuan, kelab mahupun kumpulan mampu menerapkan nilai-nilai positif dalam diri remaja (Carvalho & Schumacker, 2012). Golongan remaja yang terlibat dengan aktiviti persatuan atau kelab dilaporkan lebih berasa gembira dengan kehidupan mereka dan menikmati

aktiviti persatuan yang mereka ikuti (Ellison, Finch, Ryan, & Salinas, 2009).

Aset komitmen untuk belajar merujuk kepada motivasi untuk mencapai matlamat, mempunyai prestasi pembelajaran yang cemerlang, mampu menyiapkan kerja rumah, dan mempunyai masa untuk menimba ilmu dalam kaedah lain seperti membaca atau melakukan eksperimen (Search institute, 2005). Remaja yang mempunyai keazaman yang tinggi, optimistik dan bermatlamat mempunyai kepuasan hidup yang lebih tinggi dan mempunyai prestasi akademik yang tinggi (Scales, 2011).

Aset nilai positif merujuk kepada remaja yang mempunyai ciri-ciri sikap yang positif seperti bertanggungjawab, mengambil berat, adil, jujur, amanah dan mengamalkan gaya hidup yang sihat (Search institute, 2005). Nilai positif merupakan antara faktor penting dalam menentukan kepuasan hidup dalam kalangan remaja mahupun belia (Scales & Fraher, 2010; Schimmack et al., 2004). Remaja yang menggambarkan diri mereka sebagai mempunyai nilai positif yang tinggi juga mempunyai kepuasan hidup yang lebih tinggi berbanding remaja yang mempunyai skor nilai positif yang rendah (Grace, 2008).

Aset kompetensi sosial merujuk kepada kebolehan bersosial yang baik seperti mampu membuat keputusan dan merancang, kompetensi interpersonal, resilien, mampu menyelesaikan masalah, kompetensi budaya dan agama (Search institute, 2005). Kompetensi sosial yang rendah mempunyai perkaitan signifikan dengan masalah salah laku remaja (Gallagher et al., 2009; Scales, 1999; Huebner, Drane, & Valois, 2000). Remaja yang mempunyai kompetensi sosial yang tinggi kurang terlibat dengan gejala salah laku dan melaporkan tahap kepuasan hidup yang lebih tinggi (Raboteg-Saric et al., 2008).

Aset identiti positif merujuk kepada kekuatan personal seperti mempunyai jati diri, berkeyakinan tinggi, mempunyai matlamat hidup dan identiti budaya yang positif (Search institute, 2005). Suhail dan Chaudhry (2004) menyatakan identiti adalah sangat penting dalam perkembangan remaja. Kajian terdahulu mendapati identiti atau personaliti adalah salah satu faktor yang signifikan dengan kepuasan hidup individu (Scales et al., 2000; Schimmack et al., 2004; Scales & Fraher, 2010). Kajian yang dilakukan oleh Auerbach dan Gardiner (2012) turut mendapati remaja yang mempunyai identiti diri yang positif adalah lebih gembira dan menikmati kehidupan.

Kepuasan hidup merupakan faktor positif yang mampu meningkatkan kualiti kehidupan remaja. Remaja yang mempunyai kepuasan hidup yang tinggi adalah lebih berjaya dan kurang terlibat dengan masalah salah laku (Gallagher et al., 2009). Aset perkembangan yang dimiliki remaja adalah kritikal dalam menentukan tahap kepuasan hidup mereka. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk meneliti perkaitan antara pelbagai aset perkembangan dengan kepuasan hidup remaja Melayu di Semenanjung Malaysia.

METODOLOGI

Sampel Kajian

Sampel kajian ini terdiri daripada remaja lelaki ($n=314$) dan perempuan ($n=425$) Melayu yang bersekolah dan berumur di antara 13 hingga 17 tahun daripada daripada empat negeri yang mewakili empat zon di Semenanjung Malaysia iaitu zon tengah (Selangor), zon selatan (Johor), zon utara (Kedah) dan zon pantai timur (Kelantan).

Prosedur kajian

Sampel ditentukan menggunakan persampelan kebarangkalian berkadar dengan saiz atau Probability proportionate to size (PPS). Proses pengumpulan data telah dilakukan di sekolah, di mana borang soal selidik diedarkan kepada responden semasa waktu persekolahan. Penerangan mengenai objektif kajian telah diberikan bagi membantu responden memahami matlamat kajian. Responden terlebih dahulu diminta untuk mengisi borang persetujuan sebagai tanda persetujuan untuk mengikuti kajian ini sebelum borang soal selidik diedarkan kepada responden. Panduan bagi memahami maksud soalan telah diberikan sepanjang sesi tersebut. Responden mengambil masa lebih kurang 45 minit untuk melengkapkan soal selidik yang diberikan. Borang soal selidik dalam kajian ini mengandungi tiga bahagian iaitu (i) latar belakang remaja dan keluarga, (ii) instrumen yang mengukur aset perkembangan dan (iii) instrumen yang mengukur kepuasan hidup remaja.

Pengukuran

Kepuasan hidup diukur menggunakan *Student Life Satisfaction Scale* (SLSS) oleh Huebner (1991). SLSS merupakan instrumen yang mengukur kepuasan hidup secara global bagi kanak-kanak seawal usia lapan tahun melalui penilaian kognitif (Huebner, 1991). Skala ini mempunyai tujuh item (lima item positif dan dua item negatif) yang merangkumi aspek kepuasan hidup secara global. SLSS dijawab menggunakan skala 6 mata iaitu 1 = sangat tidak setuju; 2 = tidak setuju; 3 = sedikit tidak setuju; 4 = sedikit setuju; 5 = setuju; 6 = sangat setuju. Skor bagi item negatif diterbalikan terlebih dahulu kemudian skor bagi setiap item SLSS dijumlahkan untuk mendapatkan skor purata. Semakin tinggi skor menunjukkan semakin tinggi tahap kepuasan hidup responden. Dalam kajian ini alpha koefisien kepuasan hidup adalah .61.

Aset perkembangan diukur menggunakan *Developmental Assets Profile* (DAP) (Search Institute, 2005). DAP merupakan instrumen laporan sendiri yang mengkaji mengenai aset perkembangan golongan muda dan kanak-kanak yang berusia di antara 11 hingga 18 tahun dan mengandungi 58 item. Skor aset perkembangan boleh dinilai secara keseluruhan (aset perkembangan keseluruhan), mengikut kategori dan mengikut konteks aset (personal, sosial, keluarga, sekolah dan komuniti). Dalam kajian ini aset perkembangan dinilai berdasarkan lapan kategori aset (sokongan, pemeraksanaan, halangan dan jangkaan, penggunaan masa, komitmen pembelajaran, nilai positif, kompetensi sosial dan identiti positif). Respon bagi setiap item menggunakan skala empat mata 0= tidak sama sekali atau jarang

berlaku; 1= kadang-kadang; 2= selalu atau kerap dan 3= terlalu kerap atau sangat selalu. Semakin tinggi skor semakin banyak aset perkembangan. Kebolehpercayaan bagi lapan kategori aset adalah di antara 0.81 hingga 0.88.

Analisis data

Data dianalisis menggunakan Statistical Package for the social science (SPSS – version 18). Analisis diskriptif dijalankan bagi menerangkan maklumat latar belakang (personal dan keluarga) responden. Aset perkembangan dan kepuasan hidup remaja Melayu di Semenanjung Malaysia. Analisis statistik deskriptif melibatkan nilai purata, minimum, maksimum, mod, median, peratus, dan frekuensi. Analisis korelasi pearson digunakan untuk mengenalpasti perkaitan antara faktor kategori aset perkembangan dan kepuasan hidup. Manakala, analisis regresi digunakan untuk mengenalpasti faktor peramal unik kepuasan hidup remaja Melayu.

HASIL KAJIAN

Latar Belakang Remaja dan Keluarga

Jadual 1 dan 2 menunjukkan latar belakang remaja dan keluarga yang dikaji dalam kajian ini adalah umur, jantina, kawasan bersekolah, tinggal bersama ibu bapa, umur ibu bapa, tahap pendidikan ibu bapa dan pendapatan bulanan ibu bapa. Responden dalam kajian ini berumur di antara 13 hingga 17 tahun dengan purata umur adalah 14.87 (SP = 1.06). Sebanyak 57.5% responden adalah remaja perempuan dan selebihnya 42.5% adalah remaja lelaki. Majoriti (91.6%) responden tinggal bersama ibu bapa kandung 91.6% dan selebihnya 8.4% tidak tinggal bersama ibu bapa kandung. Purata umur bapa responden adalah 47 tahun (SP = 6.36) dan ibu adalah 44 tahun (SP = 5.77). Sebahagian besar bapa (42.1%) ibu (45.7%) memperoleh pendidikan sehingga sekolah menengah dan memperoleh Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Purata pendapatan bagi ibu responden adalah RM 2597.50 (SP = 2276.91) dan bapa adalah RM 2860.50 (SP = 3185.00).

Jadual 1: Latar Belakang Remaja (N=739)

Pembolehubah	n (%)	Purata	S.P	Min.	Mak.
Umur		14.87	1.06	13	17
13	33 (4.5)				
14	313 (42.4)				
15	164 (22.1)				
16	173 (23.4)				
17	56 (7.6)				
Jantina					
Lelaki	314 (42.5)				
Perempuan	425 (57.5)				

Tinggal Bersama Ibu bapa

Ya	571 (91.6)
Tidak	168 (8.4)

Lokasi Sekolah

Bandar	469 (63.5)
Luar Bandar	270 (36.5)

Nota: SP= Sisihan Piawai; Min. = Minimum; Mak. = Maksimum.

Jadual 2: Latar Belakang Ibu Bapa Remaja (N=739)

Pembolehubah	Bapa n (%)	Ibu n (%)
Umur		
25 – 39	54 (7.3)	163 (22.1)
40 – 54	577 (78.1)	544 (73.6)
< 55	108 (14.6)	32 (4.3)
Purata	47.71	44.17
SP	6.36	5.77
Min	28	29
Mak	74	63
Tahap Pendidikan		
Tiada pendidikan formal	6 (0.9)	12 (1.3)
Sekolah rendah	61 (8.3)	54 (7.3)
PMR/SRP	61 (8.3)	66 (8.9)
SPM	311 (42.1)	338 (45.7)
STPM	77 (10.4)	76 (10.3)
Diploma	88 (11.9)	92 (12.4)
Sarjana Muda	82 (11.1)	61 (8.3)
Sarjana	40 (5.4)	31 (4.2)
Doktor Falsafah	12 (1.6)	9 (1.2)
Status Pekerjaan Ibu Bapa		
Berkerja	672 (90.0)	351 (47.5)
Tidak Berkerja	11 (1.5)	385 (52.1)
Bersara	56 (7.6)	3 (0.4)
Pendapatan Bulanan		
< RM 100.00	2 (0.3)	5 (1.4)
RM 101.00 – RM 1000.00	224 (30.8)	117 (33.1)
RM 1001.00 – RM 2000.00	160 (22.0)	68 (19.2)
RM 2001.00 – RM 3000.00	140 (19.2)	39 (11.0)
RM 3001.00 – RM 4000.00	69 (9.5)	68 (19.2)

RM 4001.00 – RM 5000.00	47 (6.5)	22 (6.2)
> RM 5001.00	86 (11.8)	35 (9.9)
Tiada pendapatan	11	385
Purata	2860.43	2597.50
SP	3185.00	2276.91
Min	50	30
Mak	40,000	20,000

Nota: SP= Sisihan Piawai; Min. = Minimum; Mak. = Maksimum

Kepuasan Hidup Dan Aset Perkembangan

Skor tahap kepuasan hidup ialah antara (1 - 42) dan dikategorikan kepada dua kategori iaitu tinggi dan rendah dengan menggunakan skor purata (Rendah = 1 hingga 3.9; Tinggi = ≥ 4.00). Julat skor bagi kepuasan hidup remaja Melayu adalah di antara 12 hingga 42 dengan nilai purata 3.79 (SP=0.601). Hasil analisis diskriptif mendapati lebih daripada separuh (56.7%) daripada remaja yang dikaji menunjukkan tahap kepuasan hidup yang rendah. Jadual 3 menunjukkan kekerapan dan peratusan, purata, sisihan piawai, nilai maksimum dan nilai minimum kepuasan hidup yang diperolehi oleh remaja Melayu dalam kajian ini.

Jadual 3: Tahap Kepuasan Hidup Remaja Melayu (N= 739)

Pembolehubah	n (%)	Purata	S.P	Min.	Mak.
Jumlah Kepuasan Hidup		3.79	.601	1.71	5.57
Rendah (1 – 3.9)	419 (56.7)				
Tinggi (≥ 4)	320 (43.3)				

Nota: SP= Sisihan Piawai; Min. = Minimum; Mak. = Maksimum

Hasil kajian ini selaras dengan hasil kajian terdahulu yang melaporkan bahawa golongan remaja menunjukkan tahap kepuasan hidup yang rendah berbanding dengan golongan yang berusia 21 tahun ke atas (Suhail & Chaudry, 2004; Sun & Shek, 2012). Kajian ini menyokong hasil kajian yang dijalankan oleh Ng, Lim, Jin, dan Shinfuku (2005) yang melaporkan bahawa remaja Melayu menunjukkan tahap kepuasan hidup yang lebih rendah berbanding dengan remaja bangsa lain (Cina dan India).

Jumlah skor kategori aset perkembangan responden adalah dalam julat 0 hingga 30. Skor tahap aset perkembangan dikategorikan kepada empat kategori dengan menggunakan skor purata (Rendah 0 – 14; Sederhana 15 – 20; Baik 21 – 25; Sangat Baik 26 - 30). Secara keseluruhannya hasil kajian mendapati remaja Melayu mendapat skor tahap baik dan sederhana bagi lapan kategori aset perkembangan yang dikaji. Jadual 4 menunjukkan taburan responden mengikut kategori aset.

Jadual 4: Tahap Aset Perkembangan Mengikut Kategori Aset(N= 739)

Pembolehubah	n (%)	Purata	S.P	Min.	Mak.
Kategori Aset					
Aset Sokongan		22.76	4.42	8.57	30
Rendah (0 – 14)	34 (4.6)				
Sederhana (15 – 20)	199 (26.9)				
Baik (21 – 25)	338 (45.7)				
Sangat Baik (26 – 30)	168 (22.7)				
Aset Pemerksaan		19.16	4.50	6.67	30
Rendah (0 – 14)	108 (14.6)				
Sederhana (15 – 20)	364 (49.3)				
Baik (21 – 25)	217 (29.4)				
Sangat Baik (26 – 30)	50 (6.8)				
Aset Halangan dan Jangkaan		21.83	4.31	6.67	30
Rendah (0 – 14)	51 (6.9)				
Sederhana (15 – 20)	217 (29.4)				
Baik (21 – 25)	347 (47.0)				
Sangat Baik (26 – 30)	124 (16.8)				
Aset Penggunaan Masa		17.01	5.38	0.00	30
Rendah (0 – 14)	195 (26.4)				
Sederhana (15 – 20)	395 (53.5)				
Baik (21 – 25)	112 (15.2)				
Sangat Baik (26 – 30)	37 (5.0)				
Aset Komitmen Pembelajaran		19.34	4.55	5.71	30
Rendah (0 – 14)	129 (17.5)				
Sederhana (15 – 20)	329 (44.5)				
Baik (21 – 25)	231 (31.3)				
Sangat Baik (26 – 30)	50 (6.8)				
Aset Nilai Positif		19.43	4.14	7.27	30
Rendah (0 – 14)	104 (14.1)				
Sederhana (15 – 20)	388 (52.5)				
Baik (21 – 25)	201 (27.2)				
Sangat Baik (26 – 30)	46 (6.2)				
Aset Kompetensi Sosial		19.76	4.44	7.50	30.00
Rendah (0 – 14)	95 (12.9)				
Sederhana (15 – 20)	323 (43.7)				
Baik (21 – 25)	246 (33.3)				
Sangat Baik (26 – 30)	75 (10.1)				

Aset Identiti Positif	19.67	4.68	6.67	30.00
Rendah (0 – 14)	93 (12.6)			
Sederhana (15 – 20)	345 (46.7)			
Baik (21 – 25)	227 (30.7)			
Sangat Baik (26 – 30)	74 (10.0)			

Nota: SP= Sisihan Piawai; Min. = Minimum; Mak. = Maksimum.

Hasil kajian ini jelas menunjukkan faktor perhubungan persekitaran sosial seperti sokongan ibu bapa, adik beradik, jiran tetangga dan rakan sebaya mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap perkembangan remaja. Hasil kajian ini selaras dengan dapatan kajian Gallagher dan rakan-rakan (2009) yang mendapati bahawa persekitaran sosial merupakan sistem yang paling dekat dan mempengaruhi perkembangan remaja. Menurut Search Institute (2005) individu yang mempunyai aset sokongan yang tinggi juga cenderung mempunyai aset halangan dan jangkaan yang tinggi kerana remaja mempunyai sistem sosial yang membantu dalam menagani halangan dan jangkaan dalam kehidupan. Manakala tahap aset yang sederhana bagi enam kategori aset yang lain jelas menunjukkan remaja memiliki aset tersebut namun pendedahan dan aplikasi rasional aset masih kurang. Hal ini disokong oleh Nor Ba'yah, Samsudin, Zaidah, Mimi Hanida, Chang, dan Rusyda (2012) yang mengatakan aset perkembangan dalam konteks Malaysia adalah masih baru dan dalam proses pengenalan.

Perkaitan Antara Faktor Latar Belakang, Aset Perkembangan dan Kepuasan Hidup

Jadual 5 dan 6 menunjukkan hasil analisis korelasi Pearson di antara faktor latar belakang, aset perkembangan, dan kepuasan hidup remaja Melayu di Semenanjung Malaysia. Hasil kajian mendapati daripada 10 item faktor demografi (umur, jantina, kawasan bersekolah, tinggal bersama ibu bapa, umur ibu bapa, tahap pendidikan ibu bapa, dan pendapatan bulanan ibu bapa) hanya faktor umur ($r = -.110, p < 0.01$), tinggal bersama ibu bapa ($r = -.087, p < 0.05$), tahap pendidikan bapa ($r = .097, p < 0.01$) dan pendapatan bapa ($r = .072, p < 0.05$) mempunyai perkaitan yang signifikan dengan kepuasan hidup. Kesemua lapan kategori aset didapati mempunyai perkaitan yang signifikan dengan kepuasan hidup remaja Melayu (Jadual 3.3).

Jadual 5: Korelasi Pearson Antara Faktor Latar Belakang dan Kepuasan Hidup (N=739)

Pembolehubah	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
	nilai r									
1. Umur										
2. Jantina	-.110**									
3. Kawasan bersekolah	.234**	-.019								
4. Tinggal bersama ibu bapa	-.075*	.029	-.103**							
5. Umur ibu	.196**	.017	.051	-.028						

6. Umur bapa	.184**	.051	.075*	-.041	.707**					
7. Tahap pendidikan ibu	-.210**	-.040	-.268**	.007	-.608	-.173**				
8. Tahap pendidikan bapa	-.242**	-.027	-.309**	.005	-.099**	-.143	.681**			
9. Pendapatan ibu	-.156**	-.025	-.248**	.026	-.041	-.097**	.615**	.411**		
10. Pendapatan bapa	-.133**	.015	-.237**	.005	-.059	-.027	.309**	.505**	.374**	
11. Kepuasan hidup	-.110**	-.002	.000	-.087*	-.015	-.009	.026	.097**	.025	.072*

Nota: *p< 0.05; ** p< 0.01; ***p< 0.001

Jadual 6: Korelasi Pearson Aset Perkembangan Dengan Kepuasan Hidup (N=739)

Pembolehubah	1	2	3	4	5	6	7	8
	nilai r							
1. Sokongan								
2. Pemeraksanaan	.543**							
3. Halangan dan jangkaan	.771**	.595**						
4. Penggunaan masa	.379**	.457**	.386**					
5. Komitmen pembelajaran	.413**	.471**	.461**	.473**				
6. Nilai positif	.478**	.610**	.517**	.497**	.651**			
7. Kompetensi sosial	.451**	.528**	.499**	.376**	.589**	.722**		
8. Identiti positif	.422**	.501**	.439**	.359**	.557**	.596**	.596**	
9. Kepuasan hidup	.237**	.193**	.199**	.173**	.147**	.137**	.127**	.223**

Nota: *p< 0.05; ** p< 0.01; ***p< 0.001

Hasil kajian ini selaras dengan kajian terdahulu mendapati bahawa faktor umur mempunyai hubungan yang signifikan dengan kepuasan hidup remaja, di mana remaja yang berusia 11 – 14 tahun dilaporkan mempunyai tahap kepuasan hidup yang lebih tinggi berbanding peringkat akhir remaja (15-18) (Huebner, 1991; Gilman & Huebner, 2006; McKnight, Huebner, & Suldo, 2002; Suhail & Chaudry, 2004). Kajian secara perbandingan membuktikan bahawa remaja yang tinggal dengan kedua ibu bapa kandung mempunyai tahap kepuasan hidup yang lebih tinggi berbanding dengan remaja yang tinggal bersama ibu atau bapa sahaja (Oberle et al., 2011; Antaramian et al., 2008; Park, 2005). Ini jelas menunjukkan faktor struktur keluarga penting dalam meningkatkan tahap kepuasan hidup remaja. Faktor demografi SES ibu bapa juga sering dikaitkan dengan kepuasan hidup remaja. Hasil kajian ini selaras dengan kajian Antaramian dan rakan-rakan (2008) yang mendapati peranan bapa adalah sangat penting dalam meningkatkan taraf kualiti kehidupan remaja kerana bapa dianggap sebagai ketua dan sumber ekonomi keluarga.

Hasil perkaitan positif yang signifikan bagi kesemua lapan kategori aset dengan kepuasan hidup selaras dengan matlamat teoritikal aset perkembangan yang dibangunkan oleh Search Institute (2005) yang mengatakan bahawa aset perkembangan mempunyai unsur positif yang mampu menyumbang dalam meningkatkan kualiti kehidupan remaja. Aset sokongan menunjukkan nilai 'r' paling tinggi selaras dengan hasil kajian lepas yang mengatakan bahawa sistem sosial merupakan faktor sokongan yang paling dekat dengan remaja (Kiuru, Aunola, Nurmi, Leskinen & Salmela-Aro, 2008; Gallagher et al., 2009; Huebner, Drane, & Valois, 2000).

Peramal Kepuasan Hidup

Berdasarkan ujian korelasi yang dijalankan hanya 12 (umur, tinggal bersama ibu bapa, tahap pendidikan bapa, pendapatan bapa, kategori aset sokongan, pemerkasaan, halangan dan jangkaan, penggunaan masa, komitmen pembelajaran, nilai positif, kompetensi sosial dan identiti positif) faktor yang dikenalpasti mempunyai hubungan yang signifikan dengan kepuasan hidup. Analisis regresi telah dilakukan bagi mengenalpasti peramal unik kepuasan hidup remaja Melayu di Semenanjung Malaysia. Hasil analisis regresi mendapati secara keseluruhannya pembolehubah yang dimasukkan ke dalam model regresi menjelaskan sebanyak 9.3% varians dalam kepuasan hidup remaja Melayu. Jadual 7 menunjukkan daripada 12 faktor pembolehubah yang dikaji mendapati aset identiti positif ($\beta=185$, $p=0.001$) merupakan faktor peramal signifikan yang paling menyumbang kepada kepuasan hidup remaja Melayu, diikuti aset sokongan ($\beta=167$, $p=0.01$) dan faktor tinggal bersama ibu bapa ($\beta= -.098$, $p=0.01$).

Jadual 7: Peramal Kepuasan Hidup Remaja (N=739)

Pembolehubah	<i>Standardized Beta (β)</i>	T	p
Umur	-.069	-1.864	.063
Tinggal bersama ibu bapa			
0=Tidak			
1=Ya	.098	-2.773	.006**
Tahap pendidikan bapa	.064	1.530	.126
Pendapatan bapa	.026	.625	.532
Kategori aset			
Sokongan	.167	2.949	.003**
Pemerkasaan	.061	1.209	.227
Halangan dan jangkaan	-.008	-.140	.889
Penggunaan masa	.081	1.890	.059
Komitmen pembelajaran	-.006	-.110	.913
Nilai positif	-.107	-1.771	.077
Kompetensi sosial	-.049	-.899	.369
Identiti positif	.185	3.860	.000***
F	7.271***	-	.000
Adjusted R²	.093		
ΔR^2	.107		

Nota: * $p < 0.05$; ** $p < 0.01$; *** $p < 0.001$

Nilai personal turut merangkumi aspek identiti positif remaja, di mana kajian yang dilakukan oleh Scales dan Fraher (2010) mendapati bahawa remaja yang mempunyai nilai personal seperti sifat tanggungjawab, integriti, kejujuran

dan penghargaan sendiri yang tinggi cenderung menunjukkan persepsi yang tinggi terhadap kepuasan hidup mereka. Hasil kajian ini membuktikan aspek identiti positif atau sinonim dengan 'jati diri' dalam konteks Malaysia adalah sangat signifikan dalam meningkatkan tahap kepuasan hidup remaja. Manakala, faktor kedua tertinggi iaitu sokongan juga turut menggambarkan bahawa persekitaran sosial remaja memainkan peranan yang penting kepada perkembangan remaja kerana remaja memerlukan sokongan positif daripada ibubapa, adik-beradik, jiran dan rakan sebaya dalam menghadapi kehidupan seharian (Gallagher et al., 2009). Faktor peramal ketiga tertinggi adalah tinggal bersama ibu bapa jelas menunjukkan struktur keluarga adalah sangat penting dalam melahirkan remaja yang mempunyai kualiti dan kepuasan hidup yang baik. Hasil kajian ini selaras dengan kajian yang dilakukan oleh Park (2005) yang mendapati faktor keluarga nyata merupakan faktor yang sangat mempengaruhi kadar tahap kepuasan hidup remaja kerana keluarga merupakan aspek yang paling dekat dan penting dalam kehidupan hidup remaja.

IMPLIKASI DAN KESIMPULAN KAJIAN

Dapatan kajian semasa mendapati aset sokongan merupakan faktor yang mempunyai perkaitan positif yang tinggi dengan kepuasan hidup remaja Melayu. Hasil kajian ini memberi implikasi bahawa sokongan sosial seperti keluarga, rakan sebaya dan jiran tetangga memainkan peranan yang penting dalam menyumbang kepada tahap kepuasan hidup remaja. Remaja yang mempunyai nilai dan struktur keluarga yang kuat cenderung menunjukkan tahap kepuasan hidup yang tinggi dan kurang terlibat dengan masalah salah laku dan ketidakstabilan emosi. Oleh itu, hasil kajian ini boleh membantu dalam memahami pengaruh faktor keluarga dan perhubungan sosial terhadap kepuasan hidup remaja Melayu dalam konteks kontemporari. Meskipun dunia kini telah berkembang maju dan gaya hidup masyarakat Melayu di bandar mahupun luar bandar banyak dipengaruhi oleh faktor modenisasi, nilai dan aset dalam institusi kekeluargaan tetap mempunyai pengaruh yang besar terhadap perkembangan remaja Melayu. Hasil kajian ini merupakan input penting kepada ibu bapa dan individu dewasa mengenai kepentingan aset sokongan dalam meningkatkan mutu kepuasan hidup anak-anak mereka. Oleh yang demikian, ibu bapa mampu meningkatkan kemahiran dan menambah pengetahuan mereka dalam memainkan peranan sebagai ibu bapa.

Secara praktikal, hasil kajian juga menyumbang kepada pendedahan maklumat mengenai status kepuasan hidup remaja Melayu. Input berguna ini mampu memberikan panduan efektif kepada badan kerajaan dalam menambah baik program yang bermatlamat untuk meningkatkan kualiti kehidupan remaja.

Di samping itu, hasil kajian ini juga mengetengahkan kepentingan aset perkembangan dalam konteks perkembangan remaja Melayu dan membantu pihak berkenaan dalam merangka program yang bermatlamat meningkatkan aset perkembangan dalam kehidupan seharian remaja. Sebagai contoh penganjuran

program intervensi secara berkumpulan yang menekankan kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran mendengar, meningkatkan keyakinan diri, dan kemahiran berdepan dengan situasi yang berisiko. Program-program intervensi seperti ini mampu membantu remaja untuk meneliti kekuatan diri sendiri dan belajar untuk melihat sesuatu perkara secara positif. Sokongan daripada rakan sebaya dan perkongsian yang dilakukan semasa program intervensi berkumpulan akan mampu memberikan kesedaran kepada remaja. Dengan itu, secara tidak langsung identiti positif remaja akan turut diasah dan berkembang dengan lebih produktif. Hal ini kerana, remaja yang mempunyai kekuatan personal yang tinggi cenderung mempunyai tahap kepuasan hidup yang tinggi (Huebner & Diener, 2008).

Sebagai kesimpulan, aset perkembangan (sokongan, pemeraksanaan, halangan dan jangkaan, penggunaan masa, komitmen pembelajaran, nilai positif, kompetensi sosial dan identiti positif) adalah aspek penting dalam membantu meningkatkan kepuasan hidup remaja Melayu. Kategori aset sokongan, halangan dan jangkaan dan identiti positif dikenalpasti sebagai faktor yang sangat penting dan mempunyai sumbangan yang besar dalam meningkatkan tahap kepuasan hidup remaja Melayu. Pendekatan positif yang diketengahkan oleh aset perkembangan membantu remaja Melayu untuk membina blok-blok aset yang menggalakkan perkembangan positif dalam diri remaja. Kehadiran aset perkembangan dalam diri remaja akan menguatkan mental, fizikal dan emosi remaja. Memupuk dan mendedahkan remaja kepada aset perkembangan mampu melahirkan remaja yang mempunyai matlamat hidup yang jelas dan mempunyai daya tahan diri yang tinggi. Hal ini secara tidak langsung membantu remaja untuk menjauhi ketidakfungsian internal dan eksternal seterusnya akan meningkatkan taraf kualiti kepuasan dan kesejahteraan kehidupan remaja Melayu.

Selain itu, faktor demografi seperti umur, jantina, dan SES bapa didapati turut mempunyai sumbangan dalam mengkaji kepuasan hidup remaja Melayu di Semenanjung Malaysia. Kepuasan hidup remaja berkembang sejajar dengan peningkatan usia. Manakala tahap sosial, ekonomi dan status bapa signifikan dengan kepuasan hidup remaja ekoran bapa merupakan penyumbang utama kepada ekonomi keluarga. Bapa yang mempunyai aspek kewangan yang stabil mampu meningkatkan kualiti kehidupan keluarga dari perspektif ekonomi. Oleh yang demikian keperluan dan kehendak remaja bukan sahaja mampu dipenuhi malahan kualiti kehidupan remaja juga lebih terjamin. Selain itu faktor demografi seperti tinggal bersama ibu bapa juga memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan kualiti tahap kepuasan hidup remaja. Struktur keluarga merupakan sistem yang paling rapat dan dekat dengan remaja. Ibu bapa dan ahli keluarga yang sensitif terhadap perkembangan remaja bukan sahaja membantu dalam meningkatkan kualiti kepuasan hidup remaja malahan membantu dalam meningkatkan kualiti perkembangan remaja agar berkembang dengan sihat dan positif.

RUJUKAN

- Abdullah Sani, Y. , 2004 Mengurus disiplin pelajar. Pulau Pinang:PTS Publication.
- Ahmad Kilani, M., Mohd Ismail, M., Azhar, M., Siti Norlina, M., & Normala,H. , 2003 Menangani masalah remaja muslim era pasca medenisma dan penyelesaiannya menurut pespektif islam. Tidak diterbitkan, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Antaramian, S. P., Huebner, E. S., & Valois, R. F. .2008 “Adolescent life satisfaction.” The International Association of Applied Psychology, 57, (2008):112 – 126. doi: 10.1111/j.1464-0597.00357.x
- Badruzaman, B. , 2006 Persekitaran keluarga dan kesannya terhadap tingkah laku devian remaja di daerah Pontian, Johor. Disertasi Ijazah Sarjana tidak diterbitkan,Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.
- Carvalho, J. D., & Schumacker, R. E. 2012 “Developmental assets model of risk behavior,thriving behavior and juvenile delinquency.” American International Journal of Contemporary Research, 2 no.9:1-12.
- Ellison, C. G., Finch, B. K., Ryan, D. N., & Salinas, J. J. 2009 “Religious involvement and depressive symptoms among Mexican-origin adults in California.” Journal of Community Psychology, 37: 171–193. doi: 10.1002/jcop.20287
- Erikson, E. H. , 1968 Identity: Youth and crisis. New York: Norton.
- Ferguson, Y. L., Kasser, T., & Jahng, S. 2010 “Differences in life satisfaction and school satisfaction among adolescents from three nations: The role of perceived autonomy support.” Journal of Research on Adolescence, 21 no 3: 649-661.
- Gallagher, M. W., Lopez, S. J., & Preacher, K. J. 2009 “The hierarchical structure of well-being.” Journal of Personality, 77: 1025-1049.
- Gilman, R., & Huebner, E. S. 2006 “Characteristics of adolescents who report very high life satisfaction.” Journal of Youth and Adolescence, 35: 311-319.
- Grace, D. , 2008 Building developmental assets in at risk youth: A quasi-experimental study. Unpublishes Doctoral Dissertation:Minneapolis, Minnesota.
- Haranin, E., Huebner, E. S., & Suldo, S. M. 2007 “Predictive and incremental validity of global and domain-based adolescent life satisfaction reports.” Journal of Psychoeducational Assessment, 25: 127–138.

- Huebner, E. S. 1991 "Initial Development of student's life satisfaction scale." *School Psychology International*, 12 : 231 - 240. DOI: 10.1177/0143034391123010
- Huebner, E. S., & Diener, C. 2008 *Research on life satisfaction of children and youth: Implications for the delivery of school-related services*. New York: Guilford Press.
- Huebner, E. S., Drane, W., & Valois, R. 2000 "Levels and demographic correlates of adolescent life satisfaction reports." *School Psychology International*, 21 : 281-292.
- Intan Hasimah, M. H. 2007 "Stress, coping, and social supports in the adolescents years." *Kajian Malaysia*, 1 : 97-115.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. 2014 *Laporan-Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat 2014*. Kuala Lumpur: Jabatan Kebajikan Masyarakat.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2012 *Sumber Statistik Rasmi Malaysia*. Diambil daripada <http://www.statistics.gov.my/portal/index.php>, .
- Kiuru, N., Aunola, K., Nurmi, J., Leskinen, E., & Salmela-Aro, K. 2008 "Peer group influence and selection in adolescents' school burnout." *Merrill-Palmer Quarterly*, 55 no 1 : 23-55.
- Martin, K., Huebner, E. S., & Valois, R. F. 2008 "Does life satisfaction predict adolescent victimization experiences?." *Psychology in the Schools*, 45 : 705-714.
- MacKay, L. J. 2007. *Healthy youth development: The role of youth assets*. Unpublished doctoral dissertation. Simon Fraser University, Burnaby, Canada.
- McKnight C., Huebner, E. S., & Suldo, S. 2002 "Relationships among stressful life events, temperament, problem behavior and life satisfaction in adolescents." *Psychology in the Schools*, 39 : 677-687.
- Ng, T. P., Lim, L. C., Jin, A., & Shinfuku, N. 2005 "Ethnic differences in quality of life in adolescents among Chinese, Malay and Indian in Singapore." *International Journal of Quality of Life Aspects of Treatment, care and Rehabilitation*, 14 no 7 : 1755-1768.
- Nor Ba'yah, A. K., Samsudin, A. R., Zaidah, M., Mimi Hanida, A. M., Chang, P. K., & Rusyda, H. M. 2012 "External assets as predictors of positive emotions among at risk youth in Malaysia." *Asian Social Work And Policy Review*, 6 : 203-217.

- Oberle, E., Schonert-Reichl, K. A., & Thomson, K. C. 2011 "Life satisfaction in early adolescents: personal, neighbourhood, school, family, and peer influences." *Journal of Youth and Adolescence*, 40 : 889-901. Doi:10.1007/s10964-010-9599-1
- Park, N. 2005 "Life satisfaction among Korean children and youth: A developmental perspective." *School Psychology International*, 26 no 2 : 209-223.
- Raboteg-Saric, Z., Brajsa-Zganeg, A., & Sakic, M. 2008 "Life satisfaction in adolescents: "The effect of perceived family economic status, self-esteem and quality of family and peer relationship." *Drus Istraz Zagreb*, 3 no 101 : 547-564.
- Scales, P. C. 1991 "Reducing risk and building developmental assets: Essential actions for promoting adolescents health." *Journal of School Health*, 69 : 113-119.
- Scales, P. C. 2011 "Youth developmental assets in global perspective: Results from international adaptations of the Developmental Assets Profile." *Child Indicators Research*, 4: 619-645. DOI 10.1007/s12187-011-9112-8.
- Scales, P. C., & Benson, P. L. 2007 "Building developmental assets to encourage students' school success." *Instructional Leader*, 20 no 3: 8-10.
- Scales, P. C., Benson, P. L., Leffert, N., & Blyth, D. A. 2000 "Contribution of developmental assets to the prediction of thriving among adolescents." *Applied Developmental Science*, 4 no 1 : 27-46.
- Scales, P. C., & Fraher, K. 2010 Kishoree Kontha Project DAP data analysis report to Save the Children. Minneapolis: Search Institute.
- Scales, P. C., & Roehlkepartain, E. C. 2003. "Boosting student achievement: New research on the power of developmental assets." *Search Institute Insight & Evidence*, 1 no 1 (2003): 1-10.
- Schimmack, U., Oishi, S., Furr, R. M., & Funder, D. C. 2004 "Personality and life satisfaction: A facet level analysis." *Personality and Social psychology Bulletin*, 30 : 1062-1075.
- Search Institute. 2005 Developmental assets profile; User Manual. Minneapolis, MN: Search Institute.
- Shoshani, A., & Slone, M. 2013 "Middle school transition from the strengths perspective: Young adolescents' character strengths, subjective well-being, and school adjustment." *Journal of Happiness Studies*, 14 : 1163-1181. DOI 10.1007/s10902-012-9374-y

- Sigelman, C. K., & Rider, E. A. 2010 Life-span human development (7th edition). USA: Wadsworth, Cengage Learning.
- Silverman, R. J. A. 2004 "The status of developmental assets and source of positive youth development among Young adult: Plus-size model." Unpublish doctoral dissertation, Tufts University, Boston, Unites States.
- Suhail, K., & Chaudhry, H. R. 2004 "Predictors of subjective well-being in an Eastern muslim culture." Journal of Social Science and Clinical Psychology, 23 no 3 : 359-376.
- Suldo, S., & Huebner, E. S. 2006 "Is extremely high life satisfaction advantageous in adolescence?" Social Indicators Research, 78 : 179-203.
- Sun, R. C. F., & Shek, D. T. L. 2012 "Positive youth development, life satisfaction and problem behavior among chinese adolescents in Hong Kong: A replication." Social Indicator Research, 105 : 541-559. DOI 10.1007/s11205-011-9786-9
- Theokas, C., & Lerner, R. M. 2006 "Promoting positive development in adolescence: The role of ecological assets in families, schools, and neighborhoods." Applied Developmental Science, 10 no 2 : 61-74.

Profil Penulis :

Siti Marnizah binti Abdul Rahim

*Master Sains Major Psikologi Perkembangan Kanak-Kanak
Jabatan Pembangunan Manusia dan Pengajian Keluarga
Universiti Putra Malaysia
rmarnizah88@gmail.com
013-8725680*

Siti Nor binti Yaacob, Ph,D

*Pensyarah Kanan
Pusat Penyelidikan Keluarga, Remaja dan Kanak-Kanak, Universiti Putra Malaysia
sitinor@putra.edu.my
03-8946 7088*